

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum anda memutuskan untuk menyertai AIA i-Tenang. Sila pastikan juga anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Produk apakah ini?

AIA i-Tenang merupakan suatu pelan Takaful keluarga penghospitalan dengan tempoh perlindungan 1 tahun yang menyediakan bayaran tunai sekiranya dimasukkan ke hospital akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19 serta perlindungan untuk kematian akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19. Pelan ini turut menyediakan perlindungan tambahan untuk kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang berpunca daripada sebab-sebab kemalangan.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Wakalah - kontrak di antara anda dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC sebagai Pengendali Takaful), di mana anda memberi kuasa kepada AIA PUBLIC untuk menjalankan urusan-urusan Takaful bagi pihak anda. AIA PUBLIC akan mengambil sebahagian daripada Caruman sebagai yuran *Wakalah* untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Tabarru' - baki Caruman yang tinggal selepas ditolak yuran *Wakalah* akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai derma untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada peserta-peserta lain yang memerlukan.

Qard - adalah pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh AIA PUBLIC kepada Dana Risiko Peserta sekiranya ia mengalami defisit bagi membolehkannya membayar faedah-faedah Takaful kepada peserta-peserta yang layak. Amaun ini akan dibayar semula daripada lebihan akan datang, jika ada.

3. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Faedah	Amaun Faedah (RM)
Bantuan tunai bagi penghospitalan akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19	75 sehari (sehingga maksimum 10 hari)
Kematian akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19	10,000
Kematian atau HUMK akibat daripada sebab-sebab kemalangan	35,000

Tempoh perlindungan: 1 tahun

Nota: Sila rujuk kepada sijil Takaful bagi maklumat lanjut mengenai faedah-faedah yang disediakan.

4. Berapakah Caruman yang perlu saya bayar?

Caruman yang perlu anda bayar: RM 75.00

Nota:

Sekiranya anda menggunakan Baucar Perlindungan Tenang (PTV) untuk menyertai pelan ini, perlindungan anda akan bermula selepas AIA PUBLIC telah mengesahkan kelayakan anda di bawah program PTV berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan.

Sekiranya penebusan gagal, anda akan dimaklumkan melalui emel dan permohonan anda akan terbatal secara automatik.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- (a) Yuran *Wakalah* akan ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran (termasuk komisen) bagi AIA PUBLIC.
- (b) Selepas yuran *Wakalah* telah ditolak, baki Caruman yang dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai *Tabarru'* yang bertujuan memberi perlindungan dan memenuhi tuntutan-tuntutan bagi peristiwa/risiko yang dilindungi di bawah sijil Takaful.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan bagi Caruman:

Tahun Sijil		1
Caruman	RM	75.00
Yuran <i>Wakalah</i>	%	45% yang mana 25% adalah bagi komisen kepada TNG Digital Sdn Bhd
	RM	33.75 yang mana 18,75 adalah bagi komisen kepada TNG Digital Sdn Bhd
Peruntukan Caruman ke dalam Dana Risiko Peserta (Tabarru')	%	55%
	RM	41.25

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (a) **Keperluan Pendedahan** – Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak membuat salah nyata semasa memberikan maklumat di dalam permohonan bagi perlindungan Takaful anda dan anda harus menjawab semua soalan dengan penuh dan tepat. Anda juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada AIA PUBLIC dengan segera sekiranya maklumat yang diberikan di dalam permohonan bagi perlindungan Takaful didapati tidak tepat atau telah berubah.
- (b) **Kelayakan** – Umur kemasukan bagi Orang Dilindungi adalah daripada umur 18 sehingga 60 tahun. Orang Dilindungi haruslah merupakan penerima Baucar Perlindungan Tenang untuk menyertai pelan ini.
- (c) **Tempoh Menunggu** – Terdapat tempoh menunggu selama empat belas (14) hari daripada tarikh kuatkuasa sebelum anda layak untuk mendapat faedah COVID-19 dan kesan sampingan vaksin COVID-19 bagi penghospitalan atau kematian. Walau bagaimanapun, tempoh menunggu tidak terpakai bagi kematian atau HUMK yang berpunca daripada sebab-sebab kemalangan.
- (d) **Tempoh Percubaan** - Anda boleh memohon untuk membatalkan sijil Takaful dengan syarat permohonan tersebut diterima terus oleh AIA PUBLIC di dalam masa lima belas (15) hari selepas e-Sijil tersedia. Apabila sijil Takaful dibatalkan semasa Tempoh Percubaan, sebarang amaun yang telah anda bayar kepada AIA PUBLIC akan dikembalikan dan anda boleh menggunakan semula Baucar Perlindungan Tenang anda untuk menyertai produk Perlindungan Tenang lain.
- (e) **Prosedur Tuntutan** - Borang tuntutan boleh dimuat turun daripada laman web AIA, diperolehi daripada mana-mana Pusat Pelanggan AIA atau dengan menghubungi Care Line AIA PUBLIC di 1-300-88-8922. Bukti tuntutan haruslah diterima dan diluluskan oleh AIA PUBLIC untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah. Bagi tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memaklumkan kepada AIA PUBLIC dengan segera. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk kepada laman web AIA.
- (f) **Penerima Namaan** – Anda digalakkan untuk melantik penerima namaan menggunakan borang penamaan yang berkenaan yang boleh dimuat turun daripada laman web AIA. Ini adalah untuk membolehkan AIA PUBLIC membayar faedah-faedah yang berkenaan terus kepada penerima namaan anda sebagaimana yang telah anda arahkan. Anda dinasihatkan untuk memaklumkan kepada individu yang dinamakan tersebut bahawa beliau telah dilantik sebagai penerima namaan di bawah pelan ini.

Nota:

- (i) Ia mungkin merugikan untuk bertukar daripada satu pelan Takaful ke pelan yang lain memandangkan anda mungkin akan dikenakan keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu penuh dan sebarang tempoh yang terpakai untuk pengecualian bagi penyakit tertentu / keadaan sedia ada di bawah sijil yang baru.
- (ii) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat. Kandungan di dalam sijil Takaful akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan dokumen sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil Takaful ini?

Sebarang penghospitalan atau kematian akibat COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19 yang berpunca daripada mana-mana yang berikut adalah tidak dilindungi:

- Anda sebelum ini pernah menerima rawatan perubatan, diagnosis, konsultasi atau ubat-ubatan yang dipreskripsi untuk COVID-19 atau kesan sampingan vaksin COVID-19 sebelum tarikh penyertaan bagi sijil Takaful;
- Sebarang keadaan yang berlaku pada semasa Tempoh Menunggu.

Sebarang kematian atau HUMK akibat kemalangan yang berpunca daripada mana-mana yang berikut adalah tidak dilindungi:

- mendedahkan diri kepada bahaya secara sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
- serangan atau pembunuhan atau disebabkan peperangan (yang diisytiharkan atau yang tidak diisytiharkan), revolusi, rusuhan dan kekacauan awam, mogok atau aktiviti keganasan;
- perbuatan salah seperti melanggar atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau melawan penahanan, pembabitian di dalam sebarang pergaduhan atau perlawanan, perlumbaan kenderaan atau kemalangan yang disebabkan pengaruh alkohol atau dadah;
- memasuki, keluar daripada, mengoperasi, menyelenggara atau diangkut oleh sebarang alatan atau pengangkutan udara kecuali jika Orang Dilindungi adalah seorang penumpang yang membayar tambang atau seorang anak kapal di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang di dalam perjalanan mengangkut penumpang yang telah dijadualkan mengikut laluan yang telah ditentukan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil Takaful saya?

Anda boleh membatalkan/menyerahkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA PUBLIC. Apabila sijil dibatalkan/diserahkan selepas Tempoh Percubaan, tiada amaun yang akan dibayar kepada anda dan anda tidak lagi boleh menggunakan semula Baucar Perlindungan Tenang anda untuk menyertai produk Perlindungan Tenang lain.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada AIA PUBLIC mengenai sebarang pertukaran kepada butir-butir peribadi anda seperti alamat kediaman atau alamat e-mel anda bagi memastikan AIA PUBLIC dapat memberitahu sebarang maklumat penting kepada anda. Anda juga perlu memaklumkan AIA PUBLIC mengenai sebarang pertukaran alamat penerima namaan bagi memudahkan pembayaran tuntutan.

10. Di mana boleh saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga atau Perlindungan Tenang, sila layari www.mycoverage.my atau laman web kami di AIA.COM.MY.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)

Tingkat 14, Menara AIA

99 Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Care Line: 1 300 88 8922

Tel: 03 - 2056 1111

Emel: my.customer@aiapublic.com.my

Laman web: AIA.COM.MY

AIA PUBLIC adalah Pengendali Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Produk-produk lain yang serupa

Sila hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau layari laman web kami di AIA.COM.MY untuk produk-produk lain yang kami tawarkan.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN MENGHUBUNGI AIA PUBLIC TAKAFUL BHD. SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LANJUT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SIJIL TAKAFUL. SIJIL TAKAFUL AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat 29 April 2022.